

Exco Helwa Kolej Excellent UMS anjur kelas memasak

4B 2F-3.2018 B4

SERAMAI 46 pelajar Kolej Kediaman Excellent Universiti Malaysia Sabah (UMS) menayakan Program Kelas Memasak 2018 yang diadakan di Makmal Teknologi Bakeri, Fakulti Sains Makanan dan Pemakanan (FSMP) UMS, Kota Kinabalu.

Pengarah program Munirah Amani Azizan berkata, program yang diadakan buat julung kalinya oleh Exco Helwa Jawatankuasa Kebajikan

Mahasiswa (Jakmas) kolej itu bertujuan meraikan peranan wanita sekaligus mengasah bakat serta memberi pendedahan kepada para peserta dalam bidang masakan.

“Program ini dikendalikan pensyarah berpengalaman dari FSMP, Mohammad Halim Jeinie yang telah mengajar para pelajar teknik menyediakan dan memasak muffin dan brownies.

“Selepas itu, kesemua peserta kemudian diminta untuk menterjemahkan



PESERTA mempamerkan hidangan yang telah siap untuk dinilai.

ilmu yang diperoleh dalam pertandingan masakan yang turut diadakan pada hari yang sama bagi mengetahui sejauh mana

kefahaman mereka,” katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Menurut Munirah, kesemua pelajar yang hadir sangat seronok dengan pengisian dan mengharapkan agar program seumpama itu akan diteruskan pada masa-masa akan datang.

“Sebenarnya, masih ramai pelajar yang ingin menyertai program ini tetapi atas kapasiti penyertaan yang agak terhad kita membuka pendaftaran berdasarkan siapa cepat dia dapat,” katanya.

Majlis perasmian program sehari itu disempurnakan Timbalan Pengetua Kolej Kediaman Excellent Mohd Hilmey Saili.



PARA peserta tekun melihat demonstrasi masakan yang dilakukan oleh pensyarah.

PESERTA mengambil gambar bersama Pensyarah FSMP Mohammad Halim.



SESI bergambar selepas majlis penyampaian hadiah kepada peserta.